



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Jld. 3 (7)
Tarikh : 25 JANUARI 2018

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
Blok A, Tingkat 8-11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu.
Tel:088-368397 Faks:088-211392

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 2 TAHUN 2018 PINDAAN PROSES KERJA SISTEM PAYROLL DALAM MENCETAK BAUCAR BAYARAN SARAAH

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Ketua Jabatan/Kementerian mengenai pindaan proses kerja Sistem Payroll dalam mencetak Baucar Bayaran Saraan. Pemakluman ini juga ditujukan kepada semua Ketua Akauntan di Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang membuat pembayaran saraan melalui Sistem Payroll.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan kepada proses kerja Sistem Payroll sebelum ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) akan terus mencetak Baucar Bayaran Saraan selepas menerima arahan kerja daripada pihak pembayar [Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) dan Seksyen Gaji & Pencen (SGP), JBNS].
3. Walau bagaimanapun, ada sebilangan Jabatan didapati membuat pembayaran saraan meskipun tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan bayaran saraan anggota di Jabatan masing-masing. Ini termasuklah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) dibawah objek 48000, kakitangan vot terbuka dibawah objek 29000 dan kakitangan yang dibayar gaji melalui Vot Amanah.

PELAKSANAAN PINDAAN PROSES KERJA SISTEM PAYROLL

4. Sebagai suatu langkah mengawal perkara ini daripada berlarutan, proses kerja Sistem Payroll akan dipinda dimana Sistem Payroll akan berantara muka dengan Sistem Pengurusan Peruntukan dan Pembayaran (S3P) bagi tujuan menyemak baki peruntukan setiap Jabatan/Kementerian terlebih dahulu sebelum mencetak Baucar Bayaran Saraan. Jika sekiranya peruntukan tidak mencukupi, pihak JPKN tidak akan mencetak Baucar Bayaran Saraan untuk Jabatan yang terlibat.
5. Baucar Bayaran Saraan yang lewat dicetak akan menyebabkan Jabatan tersebut mengalami kelewatan pembayaran saraan pada bulan berkenaan.
6. Pelaksanaan pindaan proses kerja Sistem Payroll ini adalah berkuatkuasa mulai pembayaran saraan bulan Februari 2018.



TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

7. Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk sentiasa memantau dengan teliti dan memastikan baki peruntukan sentiasa mencukupi bagi mengelak kelewatan pembayaran saraan di Jabatan masing-masing.
8. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan pembayaran saraan bulanan di Jabatan masing-masing yang disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi.
9. Ketua Akauntan di Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) adalah dikehendaki melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan memastikan peraturan pekeling ini dipatuhi sepenuhnya.

PENUTUP

10. Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeling ini, sila berhubung terus dengan Seksyen Gaji Dan Pecen, Jabatan Bendahari Negeri melalui nombor telefon 088-368366 atau 088-368517 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH"



(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri



s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Bangunan KPI,
Jalan Sembulan,
88582 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah,
Wisma Pertanian Sabah,
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah,
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

- s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur,
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p : Ketua Akauntan)
- s.k. Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara,
Cawangan Negeri Sabah,
Aras 4, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS,
88450 KOTA KINABALU.
- s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
88400 KOTA KINABALU
- u.p : Encik David Augustine
Cik Elizabeth Tai
Puan Rafidah Ali Hassan
Encik Yazid Yuzairie Yunos
Encik Faizal Heesyam Mohd. Kassim
Puan Salia Stong